

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH/HARI : 10 FEB 2016/RABU
RUANGAN : SETEMPAT
M/S : 40



Wajah Kehidupan
 Kelmarin, Wajah Kehidupan memaparkan kisah dua individu berlainan latar belakang pendidikan berkongsi kisah mereka menceburi bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Siri terakhir kali ini membawa pembaca mengenali alat pembelajaran Papan Putih Interaktif (IWB) serta pendedahan Kebun Dapur yang mencuri tumpuan kanak-kanak untuk datang ke tabika.

Selain itu, ikuti perancangan KEMAS ke arah Tabika Berprestasi Tinggi (TBK) dalam menjadikan ia sebagai pilihan utama ibu bapa seperti dikongsi Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Datuk Hassan Mohd Amin bersama penulis.

Oleh Mahaizura Abd Malik
 mahaizura@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Bukan mudah untuk menarik minat kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun datang ke sekolah meman-



MURID Tabika Kemas Kem Wardieburn menggunakan teknologi interaktif dalam pembelajaran.

dangkan pada peringkat usia sebegini golongan ini masih dalam 'mood' bermain dan tidak boleh berenggang dengan keluarga.

Bagi Norazira Sulaiman yang mengajar di Tabika Kem Wardieburn Jalan Genting Lama di sini, seorang guru atau pemaaju masyarakat perlu tampil kreatif dalam menghasilkan bahan pengajaran

dan pembelajaran (PdP) menarik untuk menarik minat serta perhatian murid datang ke sekolah.

Menurutnya, mereka bertuah kerana terpilih sebagai satu daripada tabika KEMAS di negara ini yang menerima alat pembelajaran IWB pada 2010 menggunakan perisian komputer.

"Menerusi alat interaktif

ini, guru boleh mereka bentuk bahan pembelajaran sendiri secara kreatif dengan memasukkan elemen bunyi, muzik, gambar, grafik, video serta rakaman dalam setiap matapelajaran. Uniknyanya papan pintar ini boleh disentuh secara langsung.

"Dengan adanya alat ini, perkembangan kanak-kanak

Tabika interaktif

■ Guru tampil kreatif hasil bahan PdP untuk murid



FAKTA
 Guna alat pembelajaran IWB menggunakan perisian komputer

lebih cepat dan mereka tidak mudah bosan berbanding buku.

"Perbezaan paling ketara dalam murid yang belajar dengan papan pintar ini lebih cepat menerima pembelajaran iaitu dalam tempoh sebulan pandai mengira dan mengeja berbanding kaedah pembelajaran konvensional (buku) kira-kira dua bulan," katanya yang pernah dinobatkan Johan Pemaaju Masyarakat Inovasi peringkat Kebangsaan pada 2013.

Katanya, penggunaan papan pintar itu diakui terbukti apabila dianggarkan 90 peratus diyakini mampu menarik minat murid belajar dan menggalakkan mereka berfikir aras tinggi daripada kebiasaan.

Berlainan dengan Tabika KEMAS Kampung Orang Asli

Sungai Melut Dengkil dekat Sepang, Selangor, mereka menggunakan pendekatan Kebun Dapur bagi menarik minat murid Orang Asli ke sekolah.

Menurut Pembantu Pemaaju Masyarakatnya, Suyah Anak Chemut, 48, terdapat lebih 30 spesies tanaman herba dan sayuran ditanam di sekeliling tabika mereka sejak dua tahun lalu bagi memberi pendedahan awal kepada murid mengenai kepentingan tumbuhan berkegunaan.

"Kebanyakan benih diperoleh sendiri dan ada juga ibu bapa yang menyumbang. Setiap murid dibahagikan dalam beberapa kumpulan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti ini yang akan dilakukan dua kali seminggu," katanya.



POKOK herba dan sayuran yang ditanam di sekeliling tabika sejak dua tahun lalu.



SUYAH (kanan) mengawasi murid ketika bermain dalam kawasan taman herba.

Kuala Lumpur: Sebagai agensi peneraju pendidikan prasekolah di Malaysia, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) komited ke arah menjadikan tabika kendalannya mencapai tahap Tabika Berprestasi Tinggi (TBT).
 Ketua Pengarahnya, Datuk Hassan Mohd Amin berkata, KEMAS mengguna pakai sepenuhnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dibangunkan Kementerian Pendidikan (KPM) sebagai garis panduan untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP).

KEMAS kembang potensi kanak-kanak

"KSPK ini bertujuan mengembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh dari segi sosial, emosi, fizikal, intelek dan rohani melalui persekitaran pembelajaran selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna.
 "Melalui kurikulum ini, kanak-kanak dapat meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri positif dalam

diri supaya lebih bersedia menangani cabaran apabila memasuki sesi persekolahan tahun satu kelak," katanya.
 Beliau berkata, dalam menjayakan hasrat menjadikan tabika KEMAS pilihan utama ibu bapa di negara ini, pihaknya sentiasa berusaha meningkatkan kualiti PdP dan prasarana tabika di negara ini dari semasa ke semasa.
 "KEMAS memperkenalkan silibus baru iaitu Program Penghayatan Pendi-

kan Islam (PPI) dan Program Pemupukan Semangat Patriotik Tabika.
 "Ini kerana penekanan pembelajaran bukan saja difokuskan kepada pengukuhan kemahiran kanak-kanak tetapi juga membina keterampilan modal insan supaya mereka berupaya menangani cabaran semasa dan akan datang.
 "Selain itu, bagi memastikan kanak-kanak dapat belajar dalam keadaan yang

konduif, selamat dan selesai kita akan memberi tumpuan kepada penyediaan infrastruktur asas bagi semua tabika serta melaksanakan baik pulih kritikal termasuk menggantikan Tabika KEMAS yang memumpang di balai raya, dewan orang ramai dan bangunan awam lain," katanya.
 Katanya, pemaaju masyarakat (guru) juga sentiasa diberikan pendedahan dan latihan berterusan menggu-

nakan modul PdP menarik sebagai panduan pengajaran dalam kelas.
 "Setiap kanak-kanak mendapat faedah sama rata bersesuaian peranan KEMAS dalam memastikan kanak-kanak tabika KEMAS di luar bandar mendapat peluang pendidikan sama seperti kanak-kanak di bandar," katanya.
 Setakat 2 Februari lalu, KEMAS merekodkan bilangan enrolmen kanak-kanak 207,880 membabitkan 11,220 kelas tabika seluruh negara.